

SOALAN NO. 54**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN OSCAR LING CHAI
YEW [SIBU]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2017

SOALAN :

YB Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk mengembalikan kedudukan rakan sama rata bagi Malaya, Sabah dan Sarawak melalui pindaan Perlembagaan Persekutuan. Kalau tidak, mengapa.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembentukan Malaysia telah dicapai hasil daripada tinjauan, rundingan dan perjanjian antara pihak British, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah (yang dikenali sebagai North Borneo pada masa itu), Sarawak dan Singapura untuk menjadikan Sabah, Sarawak dan Singapura, bersama-sama dengan Negeri lain dalam Persekutuan Tanah Melayu sebagai satu Persekutuan yang dinamakan Malaysia.

Dalam proses pembentukan Malaysia, Suruhanjaya Cobbold dan Jawatankuasa Antara Kerajaan (*Inter-Governmental Committee*) telah ditubuhkan untuk mengkaji dan merumuskan persetujuan pihak-pihak berkaitan serta mengemukakan syor berhubung *future constitutional arrangements and the form of the necessary safeguards for North Borneo and Sarawak*. Syor-syor dalam Laporan Suruhanjaya Cobbold dan Laporan IGC, setakat yang dipersetujui oleh Kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Singapura telah diterjemahkan dalam Perjanjian Malaysia yang telah ditandatangani pada 9 Julai 1963.

Selanjutnya, Akta Malaysia 1963 [Akta 26/1963] telah digubal bagi memenuhi terma dalam Perjanjian Malaysia yang berkuat kuasa pada 16 September 1963. Mukadimah (*preamble*) kepada Akta Malaysia 1963 memperuntukkan bahawa Persekutuan Malaysia terbentuk atas persetujuan bahawa Negeri-Negeri koloni British iaitu Borneo Utara, Sarawak dan

Singapura akan bersekutu dengan Negeri-Negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu sebagai Negeri Sabah, Sarawak dan Singapura (Singapura kemudiannya telah meninggalkan Persekutuan Malaysia pada 9 Ogos 1965). Mukadimah Akta Malaysia 1963 memperuntukkan seperti yang berikut:

“Whereas on behalf of the Federation it has been agreed, among other things, that the British colonies of North Borneo and Sarawak and the State of Singapore shall be federated with the existing States of the Federation as the States of Sabah, Sarawak and Singapore, and that the name of the Federation should thereafter be Malaysia.”

Berhubung dengan kedudukan rakan sama rata bagi Negeri Sabah dan Negeri Sarawak, diperhatikan berdasarkan Bab 4, Seksyen D *Report of the Commission of Enquiry 1962* (Laporan Suruhanjaya Cobbold), Malaysia perlu dianggap sebagai *association of partners* yang menggabungkan kepentingan bersama untuk mencipta negara baru dengan mengekalkan *individualities* Negeri-Negeri dan penciptaan negara baru ini bukannya melalui tindakan rampasan atau tindakan menenggelamkan ciri-ciri istimewa Negeri Sabah dan Negeri Sarawak. Walaupun perkara mengenai rakan sama rata (*equal partnership*) disebut dalam Laporan Suruhanjaya Cobbold, ia tidak diperuntukkan dalam Perjanjian Malaysia mahupun Perlembagaan Persekutuan, Akta Malaysia 1963 dan undang-undang yang berkaitan.

Berdasarkan latar belakang sejarah dan perundangan dalam penubuhan Malaysia, jelas bahawa Negeri Sabah dan Negeri Sarawak telah bersekutu dengan Negeri-Negeri lain dan menjadi sebuah Negeri di dalam

Persekutuan Malaysia. Perkara ini termaktub dalam Fasal (1) dan (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan:

"Name, States and territories of the Federation

1. (1) *The Federation shall be known, in Malay and in English, by the name Malaysia.*

(2) *The States of the Federation shall be Johore, Kedah, Kelantan, Malacca, Negeri Sembilan, Pahang, Penang, Perak, Perlis, Sabah, Sarawak, Selangor and Terengganu."*

Berhubung dengan perkara autonomi Negeri Sarawak dan Sabah, pembahagian kuasa antara Persekutuan dan Negeri telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, Fasal (1) Perkara 80 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa kuasa eksekutif Persekutuan meliputi segala perkara yang mengenainya Parlimen boleh membuat undang-undang, dan kuasa eksekutif sesuatu Negeri meliputi segala perkara yang mengenainya Badan Perundangan Negeri itu boleh membuat undang-undang.

Selain itu, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan kuasa perundangan ke atas perkara-perkara yang lebih banyak kepada Negeri Sabah dan Negeri Sarawak berbanding dengan Negeri-Negeri lain melalui Senarai Tambahan kepada Senarai Negeri dan Senarai Tambahan kepada Senarai Bersama di bawah Senarai Perundangan (*Legislative List*) dalam

Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Di samping itu, Perlembagaan Persekutuan turut memperuntukkan kuasa serta perlindungan khas (*special safeguard*) kepada Negeri Sabah dan Negeri Sarawak demi menjamin dan melindungi kepentingan rakyat Negeri Sabah dan Negeri Sarawak antaranya perkara berhubung dengan tanah (di bawah Fasal (5) Perkara 161A, Perkara 95D, Perkara 88 dan Fasal (2) Perkara 95E), berhubung dengan apa-apa hak dan kuasa yang diberikan oleh undang-undang persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah atau Sarawak berkenaan dengan kemasukan ke dalam Negeri itu dan kemastautinan di dalam Negeri itu di bawah Perkara 161E(4), pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan yang menyentuh hak rakyat Negeri Sabah dan Negeri Sarawak untuk menjadi warganegara, keanggotaan dan bidang kuasa Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak, kuasa perundangan Badan Perundangan Negeri Sabah dan Sarawak, agama dan penggunaan apa-apa bahasa di dalam Negeri Sabah dan Negeri Sarawak serta kuota ahli Dewan Rakyat yang diperuntukkan untuk Negeri Sabah dan Negeri Sarawak (seperti yang diperuntukkan melalui Fasal (2) Perkara 161E Perlembagaan Persekutuan).

Berdasarkan peruntukan kuasa-kuasa tersebut, Negeri Sabah dan Negeri Sarawak bukan sahaja mempunyai kedudukan yang sama dan menikmati hak yang sama dengan Negeri-Negeri lain dari segi undang-undang, tetapi juga telah diberikan perlindungan tambahan dan keistimewaan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain.

Sekian, terima kasih.